



**INSTITUT AMINUDDIN BAKI  
CAWANGAN GENTING HIGHLANDS KEMENTERIAN  
PELAJARAN MALAYSIA**

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN  
MAJLIS PENUTUPAN KOLOKIUM  
PENGURUSAN KOKURIKULUM  
KALI PERTAMA TAHUN 2014**

---

**YBHG. DATO' HAJI KHAIRIL BIN HJ. AWANG**  
Pengarah  
Institut Aminuddin Baki  
Bandar Enstek, Nilai

---

Tema:  
**KOKURIKULUM PENJANA KECEMERLANGAN  
PENDIDIKAN INSAN**

Tarikh:  
**24 – 26 November 2014**

Tempat:  
**Auditorium Dato' Razali Ismail  
Institut Aminuddin Baki  
Cawangan Genting Highlands**

---

الحمد لله رب العلمين،  
والصلوة والسلام على اشرف الانبياء والمرسلين وعلى اله  
وأصحابه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## **Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia**

---

Yang dihormati saudara/saudari pengacara majlis.

**YBhg. Datuk Dr. Khair bin Mohamad Yusof**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

**YBhg. Dato' Misrah bin Haji Ibrahim**  
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
Malaysia, Sektor Pembangunan  
Profesionalisme Keguruan (SPPK)

**YBrs. Pn. Rozainum binti Ahmad**  
Pengarah Bahagian Kokurikulum dan  
Kesenian, KPM

**YBrs. En. Abdul Mu'ti bin Ahmad**  
Ketua Pusat Pembangunan Pengurusan  
Pendidikan,  
Menjalankan Tugas Timbalan Pengarah  
Khidmat Profesional,  
Institut Aminuddin Baki,  
Bandar Enstek, Nilai.

**YBrs. En. Mazlan bin Samsudin**  
Timbalan Pengarah Khidmat Latihan  
Institut Aminuddin Baki Bandar Enstek

Pengarah-pengarah IAB Cawangan dan  
Timbalan-timbalan Pengarah

Ketua-ketua Pusat, Ketua-ketua Jabatan,

Pengarah-pengarah Bahagian,

Pengarah-pengarah JPN Negeri,

Pegawai-pegawai Bahagian dan Negeri,

Pegawai-pegawai Pelajaran Daerah,  
Pengetua-pengetua, Guru-guru Besar,

Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

**Assalamu'alaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, Selamat Sejahtera dan  
Salam 1Malaysia**

## **Mukadimah**

1. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin-Nya juga, kita dapat berhimpun dalam Majlis Penutupan Kolokium Pengurusan Kokurikulum Kali Pertama Tahun 2014. Semoga penganjuran kolokium ini dapat memberi kesan dan pengalaman yang bermakna kepada semua hadirin.

## **Ucapan Penghargaan**

- 2.** Pertama kalinya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian hadir YBhg. Datuk KPPM bagi merasmikan majlis penutupan Kolokium Pengurusan Kokurikulum pada pagi ini. Tidak lupa juga kepada YBhg. Dato' Misrah bin Haji Ibrahim atas kesudian hadir Dato' bagi memeriahkan lagi majlis kita pada hari ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua hadirin kerana kehadiran Tuan/Puan amat bermakna buat kami pihak IAB selaku penganjur Kolokium Pengurusan Kokurikulum Kali Pertama bagi tahun 2014.
  
- 3.** Penghargaan ini juga saya tujukan kepada seluruh warga kerja dan para urus setia

kolokium ini atas daya usaha dan komitmen yang tinggi bagi merealisasikan majlis yang sangat bermakna buat seluruh warga pendidikan terutama bagi kalangan pegawai yang bertanggungjawab dalam pengurusan kokurikulum sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat pelaksana. Saya yakin banyak input yang Tuan/Puan perolehi hasil daripada pembentangan kertas kerja dan perkongsian idea dan pengalaman daripada para pembentang dan pakar-pakar dalam bidang ini. Terima kasih atas kesungguhan Tuan/Puan mengikuti sesi pembentangan kertas kerja dari awal hingga akhirnya yang bermula pada 24 hingga 26 November 2014.

- 4.** Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan

kepada para pembentang kertas kerja kerana sudi berkongsi idea bersama-sama hadirin dalam bidang pengurusan kurikulum. Sebanyak 12 kertas kerja yang telah dibentangkan daripada pelbagai pihak yang sememangnya pakar dan sangat berpengalaman dalam bidang ini. Semoga hasil pembentangan ini akan menjadi sumber rujukan dan panduan kepada pihak IAB bagi melunaskan seribu persoalan yang berkaitan dengan hal-hal kepimpinan pengurusan kurikulum di peringkat sekolah. Hasil perkongsian ilmu dan pengalaman ini diharapkan Tuan/Puan dapat menjadikannya sebagai garis panduan dan sempadan bagi menyusun strategi ke arah memantapkan lagi pengurusan kurikulum di peringkat organisasi masing-masing.

*Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,*

## **Latar Belakang: Kolokium Pengurusan Kokurikulum**

- 5.** Sebagai institusi latihan kepimpinan pengurusan pendidikan, IAB telah menjalankan kursus Pengurusan Kokurikulum Modul Baharu kepada para pemimpin pendidikan bermula pada tahun 2010 hingga sekarang. Secara purata, Jabatan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum (JPKKK) telah melaksanakan tujuh (7) kursus Pengurusan Kokurikulum setahun.
  
- 6.** Sasaran peserta bagi kursus ini adalah seramai 1050 orang iaitu dalam kalangan GPK Kokurikulum Sekolah Rendah dan

Sekolah Menengah, pemimpin sekolah, pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan kurikulum sama ada di Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Institut Perguruan (IPG) dan Bahagian-bahagian di KPM. Jumlah ini tidak termasuk kursus-kursus yang mempunyai modul Pengurusan Kokurikulum seperti NPQEL, KKPP dan kursus-kursus jabatan lain di IAB.

7. Pelaksanaan kursus adalah selari dengan **Pelan Menangani Isu-isu Melindungi Masa Instruksional KPM (2012)** dan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025** untuk mengupayakan para pemimpin tersebut merealisasikan Anjakan Tiga (3) iaitu melahirkan rakyat menghayati nilai dengan cara;

- i. Membangunkan murid secara holistik dengan mengukuhkan keperluan penyertaan murid dalam **1Sukan**, **1Kelab** dan **1Badan Beruniform**.
  - ii. Mengukuh dan memperluaskan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) mulai tahun 2016 untuk memudah cara interaksi antara jenis sekolah.
8. Justeru itu, Pusat Pembangunan Pengurusan Pendidikan (PPP) melalui Jabatan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum (JPKK) mengambil inisiatif ini untuk menjalankan kolokium berteraskan perkongsian ilmu daripada pelbagai pihak yang terlibat secara khusus dalam pengurusan kokurikulum KPM.

*Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,*

## Rasional Penganjuran Kolokium

9. Pada hasratnya, pihak IAB berharap agar pelaksanaan kolokium ini dapat memberi ruang dan peluang kepada para pentadbir dan pihak pengurusan kurikulum untuk berkongsi idea, kaedah, pengalaman individu tentang kejayaan mengurus serta memimpin sekolah khususnya dalam bidang ini. Melalui kerjasama antara pihak IAB, Bahagian-bahagian KPM dan sekolah, diharapkan kolokium ini dapat membantu IAB untuk melatih para pengurus dan pemimpin pendidikan bagi meningkatkan kemahiran latihan kepimpinan khususnya

dalam bidang pengurusan kurikulum. Di samping itu, kolokium ini juga diharap dapat mengetengahkan idea, kaedah dan pengalaman kejayaan dan kecemerlangan dalam pengurusan kurikulum di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Justeru itu, matlamat penganjuran kolokium ini bertujuan untuk membangunkan pemimpin kurikulum sekolah terbilang bagi melahirkan murid yang holistik.

*Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,*

### **Objektif Kolokium**

- 10.** Penganjuran kolokium ini dijalankan bagi mencapai beberapa perkara berikut;

- i. Melaksanakan peranan dan meningkatkan imej IAB sebagai penyebar utama maklumat dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan khususnya dalam bidang pengurusan kurikulum.
- ii. Mempelajari ilmu, kaedah baharu melalui perkongsian idea bagi meningkatkan kompetensi pemimpin sekolah dalam bidang pengurusan kurikulum hasil dari input yang dibentangkan.
- iii. Memberi pengiktirafan kepada pengurusan dan kepimpinan sekolah yang cemerlang dalam bidang pengurusan kurikulum dengan cara mengetengahkan kaedah dan model

kecemerlangan kokurikulum sekolah mereka di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

- iv. Mengeratkan hubungan baik antara pihak IAB, pembentang, para peserta dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam memartabatkan bidang kokurikulum.

*Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,*

### **Kokurikulum dan Kecemerlangan Pendidikan Insan**

11. Kegiatan kokurikulum bukan sahaja untuk menjadikan murid cemerlang dalam penjagaan kesihatan dan fizikal semata-mata sebaliknya kegiatan ini membolehkan

setiap murid dapat meningkatkan keupayaan diri dalam pembangunan insan seterusnya membina kecemerlangan dalam pencapaian akademik.

- 12.** Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Dewan Bahasa dan Pustaka (1992) juga menjelaskan tentang keperluan kokurikulum kepada murid di mana “aktiviti-aktiviti kokurikulum dapat menyediakan peluang kepada murid untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang telah dipelajari di bilik darjah”.
  
- 13.** Menurut Ramlan Abd. Wahab (2002), “Kokurikulum adalah wadah pembinaan jasmani, emosi dan rohani dengan

menawarkan pelbagai pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan latihan, berteraskan konsep pendidikan dan pembangunan insan bersepadu dan menyeluruh. Pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang mengandungi unsur-unsur intelek, disiplin kendiri, kepimpinan, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, kecintaan kepada alam semulajadi, kewarganegaraan dan kesetiaan kepada bangsa dan negara, kebudayaan, integrasi nasional, dan sebagainya akan membantu murid menentukan hala tuju kehidupan masa depannya”.

- 14.** Meneliti kepada definisi kokurikulum tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa pengurusan kokurikulum di peringkat sekolah berkait rapat dengan

kecemerlangan pendidikan murid. Ini bermakna peranan pemimpin dan pengurus pendidikan amat penting dalam memenuhi agenda Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), melalui Anjakan Ke-3 iaitu “Melahirkan Rakyat Malaysia dengan Penghayatan Nilai”.

- 15.** Pendidikan yang seimbang dan menyeluruh terbina daripada bidang kurikulum yang dimantapkan oleh kokurikulum. Bagi mencapai matlamat ini, pendidikan yang mengintegrasikan aktiviti kurikulum dan kokurikulum perlu dirancang dan dilaksanakan secara bersepadau serta bersungguh-sungguh.

- 16.** Penglibatan aktif dalam aktiviti kokurikulum dan sukan dapat melahirkan murid secara holistik melalui beberapa pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang memberi ruang dan peluang kepada murid untuk;
- i. Meningkatkan perkembangan kemahiran sosial dan seterusnya mengukuhkan interaksi dan integrasi dalam kalangan mereka.
  - ii. Melengkapkan diri dengan sifat-sifat kecemerlangan diri seperti kepimpinan, daya saing, jati diri, kreatif, kritis, berkeyakinan tinggi dan daya tahan.
  - iii. Meningkatkan tahap disiplin melalui penyemaian dan pemupukan nilai-nilai

murni dan sikap positif selaras dengan hasrat Rukun Negara.

- iv. Mengukuh dan meningkatkan pengetahuan, kemahiran, minat dan bakat murid dalam pelbagai bidang.
- v. Mencungkil bakat dan potensi murid.
- vi. Meningkatkan tahap kesihatan fizikal dan mental murid.
- vii. Menyedia dan mendedahkan murid untuk memenuhi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) secara lebih aktif dan berkesan.

*Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,*

## **Peranan IAB: Input Latihan Kursus Pengurusan Kokurikulum**

17. Sebagai seorang pemimpin pendidikan khususnya di peringkat sekolah, peranan Pengetua, Guru Besar dan Penolong Kanan Kokurikulum amat diperlukan dalam memahami bidang pengurusan kokurikulum agar kemenjadian murid dapat dicapai dengan berkesan. Oleh itu, mereka sewajarnya berusaha meningkatkan kompetensi diri dalam pengurusan kokurikulum agar keberhasilan murid secara holistik dapat ditingkatkan. Bagi tujuan memenuhi kompetensi para pemimpin sekolah khususnya, IAB sentiasa mengambil inisiatif untuk melaksanakan tanggungjawab ini bagi meningkatkan latihan dan kemahiran kepada pemimpin

pendidikan dalam memenuhi sembilan (9) bidang kompetensi pemimpin sekolah iaitu melalui garis panduan Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM).

- 18.** Melalui Jabatan Kurikulum dan Kokurikulum, Kursus Pengurusan Kokurikulum sentiasa dijalankan dan ditawarkan kepada peserta pada setiap tahun. Pada tahun 2012, jumlah kursus yang dijalankan sebanyak 13 kursus dengan jumlah peserta seramai 390 orang. Tahun 2013, kehadiran peserta seramai 480 orang di mana bilangan kursus yang dijalankan sebanyak 16 kursus. Pada tahun ini (2014), sebanyak 17 kursus telahpun dijalankan di mana kehadiran peserta seramai 525 orang.

- 19.** Ringkasnya, bilangan Kursus Pengurusan Kokurikulum anjuran IAB antara tahun 2012 hingga 2014 ialah sebanyak 46 kursus di mana bilangan peserta yang hadir seramai 1,395 orang dengan kos sebanyak RM241,450.00. Melihat kepada angka kehadiran peserta kursus ini, saya yakin ramai lagi kalangan pemimpin pendidikan yang masih tidak berpeluang untuk mengikuti kursus Pengurusan Kokurikulum sebagai usaha meningkatkan kompetensi mereka dalam bidang ini.
- 20.** Kursus ini amat penting kerana keseluruhan kandungan modul Pengurusan Kokurikulum IAB mencakupi kriteria yang digariskan dalam SKKSM. Para pensyarah IAB yang terlibat dalam pengajaran ini sentiasa

komited memberi tunjuk ajar, panduan dan bimbingan kepada peserta kursus bagi mencapai objektif berikut;

- i. Mengenal pasti tugas, peranan dan tanggungjawab masing-masing sebagai pengurus kurikulum di sekolah.
- ii. Menjelaskan konsep, dasar, matlamat, objektif, fungsi dan peranan pengurusan kurikulum sebagai sebahagian daripada proses kependidikan menyeluruh.
- iii. Merancang, melaksanakan dan memantau program atau aktiviti kurikulum berlandaskan dasar dan prinsip yang sebenar.
- iv. Menggunakan program kurikulum dalam peningkatan proses perkembangan keseluruhan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

- v. Menampilkan diri sebagai pengurus dan pemimpin kokurikulum yang berkesan.
- 21.** Oleh itu, IAB sentiasa menawarkan pelbagai kursus termasuklah kursus-kursus yang memenuhi kompetensi Tuan/Puan sebagai pemimpin, pengurus dan pentadbir sekolah yang berupaya menjana kreativiti dan inovasi pendidikan di peringkat sekolah. Harapan saya pada masa akan datang kolokium ini akan menjadi medan perbincangan bersemuka dan perkongsian idea daripada pelbagai pihak yang berkepentingan bagi memantapkan lagi pengurusan kokurikulum seterusnya mampu mencetuskan anjakan paradigma di peringkat organisasi Tuan/Puan.

*Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,*

## **Penutup**

- 22.** Pengurusan Kokurikulum memerlukan komitmen yang tinggi daripada para pemimpin pendidikan bagi memenuhi agenda pendidikan negara dan keberhasilan warganegara yang berkualiti. Justeru itu, kompetensi Pengurusan Kokurikulum perlu dijana dalam usaha meningkatkan kualiti pengurusan kokurikulum pada tahap yang cemerlang dan mencapai KPI yang diharapkan.
- 23.** IAB selaku pengajur Kolokium Pengurusan Kokurikulum kali pertama ini, berharap agar medan perkongsian idea dan pengalaman

Tuan/Puan dalam pengurusan kurikulum dapat memberi ruang dan peluang untuk meningkatkan daya kreativiti dan inovasi pendidikan ke arah keberhasilan murid secara holistik pada masa hadapan.

- 24.** Akhir kata, saya dan seluruh warga IAB memohon maaf sekiranya berlaku kekurangan dan kelemahan di sepanjang kolokium ini berlangsung. Sekali lagi ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan yang sudi hadir bagi memeriahkan lagi majlis ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua warga kerja kolokium ini atas daya usaha dan komitmen yang diberikan sehingga majlis ini dapat disempurnakan dengan baik.

- 25.** Sekian, *Wabillahi taufik wal hidayah wa salam mu alaikum wa rahmatullah wa baraakatuh.*